

Syarikat Malaysia enggan melabur lagi di Indonesia

UM 17 MAY 2001

JAKARTA 16 Mei — Syarikat-syarikat Malaysia dilaporkan berniat menarik diri dan tidak mahu lagi meneruskan rancangan mereka untuk melabur di Indonesia berikutan layanan negara tersebut terhadap dua pelabur Malaysia iaitu DRB-HICOM dan Guthrie Berhad.

Hasrat syarikat Malaysia itu dilaporkan oleh akhbar *Bisnis Indonesia* hari ini yang memetik satu sumber yang rapat dengan kerajaan dan ahli perniagaan Malaysia.

Menurut sumber berkenaan, pasukan ekonomi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menilai pendekatan Indonesia terhadap sejumlah projek yang dilaksanakan oleh pelabur Malaysia sudah tidak beretika dan hanya bermotif politik dan bukannya ekonomi.

"Oleh itu pelabur Malaysia bimbang jika mereka terus melakukan pelaburan di Indonesia mereka akan menjadi mangsa kepada sikap tersebut," kata sumber berkenaan.

DRB-HICOM yang mendapat projek membina lebuh raya lingkaran luar Jakarta (*Jorr*) dituduh tidak layak oleh Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) manakala Guthrie pula dianggap cuba menguasai pasaran kelapa sawit dunia melalui pembelian ladang kelapa sawit milik syarikat Indonesia, Salim Group berjumlah lebih 200,000 hektar.

Berikutan itu kedua-dua syarikat berkenaan menghadapi masalah untuk meneruskan pelaburan mereka walaupun penglibatan mereka dalam kedua-dua projek itu adalah bertujuan bagi mem-

bantu memulihkan ekonomi Indonesia.

Selain itu kata sumber berkenaan, berlaku penyalakan terhadap hasrat tiga pemimpin utama iaitu Dr. Mahathir, Presiden Abdurrahman Wahid (*Gus Dur*) dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dalam soal pelaburan di Indonesia.

Sepakat

"Sebelum ini ketiga-tiga pemimpin berkenaan sepakat bahawa syarikat besar dari Malaysia dan Singapura akan menjadi pelopor kepada usaha menarik pelabur ke Indonesia.

"Bagaimanapun hasrat kedua-dua negara itu berubah setelah melihat dalam beberapa projek besar seperti pembinaan lebuh raya lingkaran luar Jakarta (*Jorr*) terdapat pela-

bur asing lain seperti Itali dan Australia, oleh itu Malaysia dan Singapura menganggap kehadiran mereka sudah tidak penting lagi," katanya.

Oleh itu, kata sumber berkenaan apa juga keputusan yang bakal dibuat oleh pemerintah Indonesia berhubung status *right to match* dalam projek *Jorr* itu, DRB-HICOM mungkin memilih untuk mengundurkan diri.

"Apa yang syarikat Malaysia fikirkan sekarang ini ialah tidak mahu sebarang keputusan mereka mempengaruhi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, apatah lagi Malaysia sebelum ini sememangnya sudah menyatakan komitmennya untuk membantu Indonesia keluar daripada krisis ekonomi yang dialaminya," kata sumber itu. •
Utusan.